

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5

Lima isu berbangkit PADU diatasi

Lima isu berbangkit PADU diatasi

Rafizi jelaskan masalah yang timbul berjaya diselesaikan dalam tempoh sejam

Oleh IZWAN ROZLIN
SHAH ALAM

Terdapat lima isu berbangkit Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dikenal pasti dan boleh diatasi segera, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, isu pertama adalah melibatkan nombor kad pengenalan digunakan untuk *override* dan tukar kata laluan.

"Kelemahan dalam pengendalialah *authentication* ini tidak ditemui semasa Security Posture Assessment (SPA), namun pasukan kami telah mengambil tindakan penyelesaian segera dalam tempoh sejam dan masalah selesai pada 2 Januari 2024 jam 9.15 malam," katanya menerusi Facebook pada Rabu.

Beliau berkata, isu kedua pula membabitkan pengguna boleh melangkaui keperluan e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital) dan terus mengisi maklumat.

"Bagi melicinkan proses mengemaskini data individu, maklumat boleh dilaksanakan sejourus *log in* (selepas daftar masuk) tanpa melalui proses e-KYC.

"e-KYC hanya dilaksanakan setelah kemas kini maklumat dilaksanakan dan individu ingin membuat pengesahan dan perakuan penghantaran profil.

"Sebarang maklumat diisi tanpa e-KYC yang disahkan tidak akan diintegrasikan ke dalam PADU. Hanya maklumat yang dikemukakan daripada pengguna yang



Rafizi ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Peluncuran PADU di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Selasa.

telah berjaya pengesahan e-KYC dikira sah," katanya.

Menurutnya, isu berbangkit ketiga adalah berkenaan nombor telefon sama boleh digunakan untuk mendaftar lebih daripada satu akaun.

"Ia bermaksud nombor sama boleh digunakan sebanyak lima kali bagi memudahkan pendaftaran individu yang merupakan ahli isi rumah (18 tahun ke atas) atau ibu bapa yang tidak memiliki telefon untuk membuat pendaftaran akaun PADU," katanya.

Rafizi berkata, isu keempat pula membabitkan aduan proses pengisian mereka tersekat semasa mengisi butiran isi rumah.

"Bagi tujuan pembentukan isi rumah, individu yang berada di bawah satu isi rumah perlu dimasukkan bersama ahli lain termasuklah mereka yang berusia di bawah 18 tahun dan bukan warganegara.

"Bagi memastikan maklumat isi rumah terselaras, hanya ketua isi rumah sahaja yang dibenarkan membuat kemas kini isi rumah.

"Perakuan bagi ahli isi rumah hanya boleh dibuat apabila ketua isi rumah telah

selesai mengisi maklumat isi rumah masing-masing.

"Setiap individu digalakkan untuk mengisi bersama-sama isi rumah yang lain bagi memudahkan proses perakuan dilakukan dengan mudah," katanya.

Menurutnya, isu terakhir yang berbangkit adalah apabila medan data kosong selepas proses e-KYC.

"e-KYC merupakan proses pengesahan identiti pengguna, maka pengguna perlu memastikan setiap maklumat yang dikemaskini perlu disimpan (*save*) pada setiap variabel.

"Setelah semua maklumat disimpan, pengguna perlu melaksanakan e-KYC bagi melaksanakan perakuan kepada maklumat yang telah dikemaskini," katanya.

Setakat jam 10 pagi Rabu, seramai 233,782 pengguna berjaya mendaftar di bawah sistem PADU dalam tempoh 24 jam selepas pelancarannya.

Daripada jumlah itu, sebanyak 118,115 atau 71 peratus pengguna berjaya melakukan proses e-KYC iaitu memuat naik swafoto dan kad pengenalan untuk pendaftaran PADU.